

Malaysia pecah rekod tanam 100,000 pokok

BH 15 OCT 2000

Oleh HALMI SAMAD

KUALA LUMPUR: Malaysia dijangka melakar sejarah hari ini dalam usaha memecahkan rekod baru dunia sebagai negara pertama berjaya menanam 100,000 pokok secara serentak dalam tempoh 60 saat, pagi ini.

Sempena program yang dikenali sebagai Kempen Penanaman Pokok Alaf Baru 2000, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengetuai percubaan murni itu di Taman Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Dalam tempoh seminit yang sama itu juga, rakyat Malaysia di seluruh negara akan menanam 100,000 daripada 30 spesies tempatan dalam usaha untuk menjadikan persekitaran negara indah, bersih dan berkualiti sejajar dengan Deklarasi Habitat Dua 1996.

Jika percubaan itu berjaya, Malaysia akan memadamkan rekod Buku Rekod Guinness yang dipegang oleh Brazil. Pada 1998, warga Brazil di Sao Paulo menanam 24,159 pokok di bandar raya itu dalam masa seminggu. Rekod Buku Malaysia pula masih dipegang oleh Lahad Datu, Sabah apabila berjaya menanam 10,000 pokok dalam masa seminit, pada 31 Ogos, 1998.

Namun, berdasarkan semangat 'Malaysia Boleh' sebagaimana yang dibuktikan beberapa warga Malaysia, termasuk pelayar tersohor, Datuk Azhar Mansor, rakyat negara ini dirasakan sudah lama bersedia untuk melakarkan satu lagi catatan unik demi menaikkan nama Malaysia di peta dunia.

Pagi ini, program bersama Perdana Menteri di Taman Bukit Jalil, Kuala Lumpur, yang disiarkan secara langsung menerusi RTM, hanyalah satu simbolik. Sebenarnya, rakyat Malaysia dari Perlis sehinggalah ke Sabah, bersedia dengan cangkul dan benih pokok untuk merealisasikan satu lagi pencapaian unik.

Di Kuala Lumpur, misalnya, Timbalan Pengarah Bahagian Seni Taman, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mohd Amin Nordin Abdul Aziz, berkata antara 200 dan 300 pokok dijangka ditanam di Taman Bukit Jalil.

DBKL turut mensasarkan 7,000 pokok ditanam dalam tempoh seminit di lima kawasan di Kuala Lumpur. Dalam pada itu, lebih 3,500 anggota kumpulan penanam pokok yang mewakili DBKL, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Lanskap Negara, Lions Club, Persatuan Pencinta Alam (MNS), Persatuan Pen-

nilai dan Perunding Harta Malaysia serta Persatuan Sukarela Siabci, akan turut melakukan perkara serupa.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula sudah mengarahkan pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama Jabatan Lanskap Negara untuk membekalkan benih pokok untuk diedarkan ke seluruh negara.

Sehingga kini, Jabatan Lanskap Negara sudah membelanjakan RM1 juta bagi membekalkan 100,000 pokok kepada semua negeri. Perak muncul negeri paling banyak menanam pokok iaitu 12,000 pokok - akan serta-merta mengatasi pencapaian rekod Lahad Datu.

Selangor pula akan menanam 11,500 pokok diikuti Johor (11,500), Sabah (9,000), Sarawak (9,000), Kedah (8,000), Kuala Lumpur (7,000), Kelantan (7,000); Pulau Pinang (6,000), Pahang (6,000), Melaka (3,000), Negeri Sembilan (4,000), Terengganu (4,000), Perlis (1,000), dan Labuan (1,000).

Sehingga Jun lalu, Malaysia sudah menanam 2,384,591 pokok di seluruh negara sejak kempen menanam pokok dilancar pada 3 Mac, 1997.

Pada masa yang sama, Majlis

Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) pula yakin dapat menanam sekurang-kurangnya 1,300 pokok dalam masa seminit di 12 lokasi di kawasan lapang berdekatan Jalan Gasing Heights 5/69, Jalan PJS 10/11, Jalan PJS 4/19, Jalan PJS 3/32, Jalan SS 5C/9, Jalan SS 23/6, Jalan 20/3, Jalan DU 3/2A, Jalan DU 12/9, Jalan TSB 9, Jalan Mahogany dan Kompleks Bakti Seri Damansara.

Jika dikaji secara mendalam, kempen penanam pokok secara serentak ini adalah usaha yang sangat murni dan boleh mendatangkan banyak kebaikan kepada Malaysia. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JLN), Datuk Ismail Ngah dalam pembentangan kertas kerja pada Persidangan Kebangsaan Kedua Ke Arah Bandar Sihat baru-baru ini berkata, langkah berkenaan boleh mengimbangi antara kawasan hijau dan zon pembangunan.

Ismail berpendapat sangat penting bagi sesebuah negara memperuntukkan kawasan hijau kerana ia memberi kebaikan terhadap penyesuaian cuaca mikro, memperbaiki kualiti udara (menerusi tapisan partikel dan gas pencemar) dan merendahkan nada bunyi bising.